

WEKARE GLUCOSAMINE 1500MG POWDER

Glucosamine Sulphate 1500mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan WeKare Glucosamine 1500mg Powder
2. Bagaimana WeKare Glucosamine 1500mg Powder berfungsi
3. Sebelum menggunakan WeKare Glucosamine 1500mg Powder
4. Cara menggunakan WeKare Glucosamine 1500mg Powder
5. Semasa menggunakan WeKare Glucosamine 1500mg Powder
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan WeKare Glucosamine 1500mg Powder
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan WeKare Glucosamine 1500mg Powder

Ia digunakan sebagai adjuvan terapi untuk osteoarthritis.

Bagaimana WeKare Glucosamine 1500mg Powder berfungsi

Ia mengandungi *glucosamine* yang boleh merangsang pengeluaran sebatian bangunan cartilage, memulihkan sel-sel yang rosak pada tisu tulang rawan dan beberapa kebolehan anti-radang.

Sebelum menggunakan WeKare Glucosamine 1500mg Powder

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika anda mempunyai alahan terhadap *glucosamine sulphate* atau makanan laut.
- Jika anda mengambil Warfarin (atau *coumarin anticoagulants* lain)
- Jika anda mengambil *tetracycline* secara oral, jangan ambil *glucosamine* pada masa yang sama.
- Jika anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati.
- Jika anda mengandungi atau menyusu

- Sebelum menggunakan

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda menghidap atau pernah menghidap asma, diabetes, kolesterol tinggi, tekanan darah tinggi, strok, masalah jantung atau diet natrium terkawal kerana doktor/ahli farmasi anda mungkin perlu memantau anda dengan lebih kerap.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi tentang ubat lain yang anda sedang ambil, termasuk mana-mana yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan WeKare Glucosamine 1500mg Powder

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Satu sachet untuk diambil sekali sehari. Keseluruhan kandungan satu sachet hendaklah dilarutkan sepenuhnya dalam sekurang-kurangnya 250 ml air (satu gelas) dan diminum dengan segera.

- Bila perlu digunakan

Sila ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika dos berlebihan telah digunakan.

Semasa menggunakan WeKare Glucosamine 1500mg Powder

- Perkara yang perlu dilakukan

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil WeKare Glucosamine 1500mg Powder. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil WeKare Glucosamine 1500mg Powder.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Tanya pengamal perubatan kesihatan anda apa-apa soalan yang anda mungkin ada tentang bagaimana untuk menggunakan WeKare Glucosamine 1500mg Powder.

Kesan- kesan sampingan

Kardiovaskular: *Peripheral oedema*, *tachycardia* telah dilaporkan pada beberapa pesakit osteoarthritis selepas kajian klinikal yang lebih besar yang menyiasat pengambilan secara oral dalam osteoarthritis. Hubungan sebab-akibat belum dapat ditentukan.

Sistem Saraf Utama: Rasa mengantuk, sakit kepala, insomnia telah diperhatikan jarang berlaku semasa terapi (kurang daripada 1%).

Gastrousus: Loya, muntah, cirit-birit, dispepsia atau sakit epigastrik, sembelit, pedih hulu hati dan anoreksia jarang berlaku semasa terapi oral dengan *glucosamine*.

Kulit: Tindak balas kulit seperti eritema dan pruritus telah dilaporkan dengan pemberian terapeutik *glucosamine*.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan WeKare Glucosamine 1500mg Powder

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

WEKARE GLUCOSAMINE 1500MG POWDER

Glucosamine Sulphate 1500mg

Maklumat Lanjut

- Rupa dan warna produk

Serbuk kristal putih atau hampir putih diisi dalam sachet aluminium. Larutannya jernih dan tidak berwarna dengan rasa masin selepas serbuk dilarutkan dalam air.

- Bahan- bahan Kandungan

- Bahan Aktif
Glucosamine Sulphate

- MAL number:

MALXXXXX

Pengilang

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd
24, Jalan Lambak, Taman Johor,
81200 Johor Bahru,
Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Wen Ken Marketing (M) Sdn Bhd
24, Jalan Lambak, Taman Johor,
81200 Johor Bahru,
Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

19.09.2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 25/168